

Mapex II dijangka mampu jana jualan RM20 juta: Rehda

KUANTAN - Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) Pahang yakin kira-kira RM20 juta hasil jualan mampu dijana daripada nilai keseluruhan yang ditawarkan kepada pengunjung sempena Ekspo Hartanah Malaysia II (Mapex II) 2017 yang diadakan pada 28 hingga 30 Julai nanti.

Pengerusinya, Chua Say Chai berkata, 23 pemaju perumahan termasuk Rehda, Pejabat Kerajaan Negeri Bahagian Perumahan dan sebuah agensi kewangan terabit dalam ekspo perumahan itu.

Katanya, nilai keseluruhan yang dipamer di ekspo tersebut lebih kurang RM1 bilion dengan 2,829 unit hartanah bagi seluruh projek yang sudah dijalankan sebelum ini.



Say Chai (duduk, tengah) pada sidang media bersama ahli jawatankuasa Ekspo Perumahan Mapex II 2017, semalam.

“Sebanyak 124 projek yang ditawarkan di beberapa daerah seperti di Pahang iaitu 119 projek, tiga di Kemaman, Terengganu dan masing-masing satu di Paka dan Kuala Lumpur.

“Unit hartanah ditawarkan

nanti meliputi rumah kediaman pelbagai jenis termasuk rumah teres setingkat, rumah teres dua tingkat, kembar setingkat dan dua tingkat, banglo, townhouse, bangunan industri dan komersial iaitu kedai, pejabat dan

kedai pejabat,” katanya pada sidang media, semalam.

Mapex II tersebut akan diadakan di Ruang Legar Melor, Berjaya Megamall di sini.

Say Chai berkata, Mapex II merupakan platform ideal untuk orang ramai bertemu pemaju, pembiaya kewangan dan pakar hartanah dengan pelbagai hartanah kediaman dan komersil di bawah satu bumbung.

“Kami yakin orang ramai akan bertumpu ke pameran ini kerana pelbagai unit rumah dan lot komersial ditawarkan berdasarkan kemampuan pembeli.

“Selain itu, pengunjung berpeluang dapatkan informasi di unit perumahan kerajaan negeri bagi bolehkan rakyat turut sama melihat projek Perumahan 1Malaysia,” katanya.